

**PERLANUNAN SEBAGAI EKONOMI ALTERNATIF DALAM KONTEKS TEORI
SISTEM DUNIA: MEMBINGKAI SEMULA NARATIF SEJARAH MARITIM
ASIA TENGGARA**

***"PIRACY AS AN ALTERNATIVE ECONOMY WITHIN THE CONTEXT OF
WORLD-SYSTEMS THEORY: REFRAMING THE HISTORICAL NARRATIVE
OF SOUTHEAST ASIAN MARITIME HISTORY***

Mohammad Sham bin Mohammad

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah
Email: mohammadshammohammad@gmail.com

Josrin bin Masandal

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah
Email: josrinadi@gmail.com.my

Nurfarhana Fatin binti Mohd Yassin

Fakulti Sains dan Teknologi,
Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah
Email: farhana.yassin@yahoo.com

Corresponding author: mohammadshammohammad@gmail.com
Dihantar: 2 Mei 2026/ Diterima: 1 Jun 2026/ Terbit: 30 Jun 2026

Abstrak

Kajian ini bertujuan menganalisis perlanunan di Asia Tenggara pada abad ke-18 dan ke-19 sebagai satu bentuk ekonomi alternatif serta menjelaskan faktor sosial, politik dan ekonomi yang mendorong kemunculan serta kelangsungan aktiviti tersebut. Kajian ini berangkat daripada jurang dalam historiografi yang lazimnya menafsirkan perlanunan semata-mata sebagai jenayah maritim atau ancaman keselamatan, sedangkan fungsi ekonominya dalam kehidupan masyarakat pesisir masih kurang diberikan perhatian. Berasaskan Teori Sistem Dunia oleh Wallerstein, masyarakat pesisir ditafsirkan sebagai kawasan pinggiran (*periphery*) yang mengalami ketidakseimbangan struktur akibat penguasaan perdagangan oleh kuasa teras (*core*). Dalam konteks ini, perlanunan dilihat sebagai mekanisme adaptasi ekonomi dan strategi kelangsungan hidup bagi komuniti maritim yang terpinggir daripada rangkaian perdagangan formal. Kajian menggunakan pendekatan sejarah kualitatif melalui sumber sekunder dengan menerapkan analisis naratif bagi mentafsir hubungan antara perubahan sistem perdagangan global dengan perkembangan perlanunan di Asia Tenggara. Hasil kajian menunjukkan bahawa aktiviti perlanunan bukan sahaja menjana pendapatan melalui rampasan barang dagangan,

kutipan tebusan dan perdagangan hamba, malah berfungsi sebagai mekanisme pengagihan semula sumber ekonomi serta memperkukuh kedudukan politik dan sosial komuniti maritim dalam sistem perdagangan serantau. Kajian ini menyumbang kepada perbincangan sejarah maritim dengan membingkai semula perlanunan sebagai sebahagian daripada strategi adaptasi ekonomi masyarakat pinggir pantai terhadap perubahan struktur ekonomi dunia sekali gus menawarkan perspektif yang lebih seimbang terhadap sejarah maritim Asia Tenggara.

Kata Kunci: Perlanunan, ekonomi alternatif, masyarakat pesisir, sejarah maritim, Teori Sistem Dunia.

Abstract

This study examines piracy in Southeast Asia during the eighteenth and nineteenth centuries as an alternative economic system and explores the social, political, and economic factors that contributed to its emergence and persistence. Existing historiography has predominantly portrayed piracy as a form of maritime crime or a security threat, while its economic functions within coastal societies have received comparatively limited scholarly attention. Drawing upon Wallerstein's World-Systems Theory, this study positions coastal communities as part of the global periphery, structurally marginalized by the dominance of core powers over regional and international trade. Within this framework, piracy is interpreted as an economic adaptation and a survival strategy adopted by maritime communities excluded from formal trading networks. The study employs a qualitative historical approach based on secondary historical sources, supported by narrative analysis to examine the relationship between transformations in the global trading system and the development of piracy in Southeast Asia. The findings indicate that piracy generated income through the seizure of commercial goods, ransom, and participation in the regional slave trade, while simultaneously functioning as a mechanism for resource redistribution and reinforcing the political and socio-economic position of maritime communities within regional trading networks. This study contributes to maritime historiography by reframing piracy as an adaptive economic response of peripheral societies to structural changes in the world economy, thereby offering a more balanced and nuanced interpretation of Southeast Asia's maritime past.

Keywords: Piracy, Alternative Economy, Coastal Communities, Maritime History, World-Systems Theory.

Pendahuluan

Perlanunan merupakan salah satu fenomena penting dalam sejarah maritim Asia Tenggara yang mencerminkan hubungan dinamik antara kuasa politik, jaringan perdagangan dan mobiliti masyarakat maritim. Dalam historiografi kolonial, perlanunan lazimnya ditafsirkan sebagai jenayah laut yang mengancam keselamatan pelayaran dan perdagangan antarabangsa. Walau bagaimanapun, tafsiran sedemikian sering dipengaruhi oleh kepentingan politik dan ekonomi kuasa imperialis sehingga mengabaikan konteks sosial, ekonomi dan budaya masyarakat pesisir yang terlibat

dalam aktiviti tersebut. Hakikatnya, perlanunan berkembang sebagai salah satu strategi adaptasi masyarakat maritim bagi menghadapi perubahan struktur perdagangan, ketidakseimbangan kuasa dan tekanan ekonomi yang berlaku di rantau Asia Tenggara (Hoesslin, 2016; Teddy, 2014; Liss, 2014).

Dari perspektif sejarah ekonomi, perlanunan tidak hanya melibatkan kegiatan rompakan di laut, sebaliknya membentuk suatu rangkaian ekonomi tidak formal yang menghubungkan aktiviti rampasan dengan sistem barter, perdagangan rentas sempadan, pasaran tidak berlesen dan jaringan pengagihan komoditi serantau. Hasil rampasan seperti rempah, tekstil, logam berharga dan tawanan perang diperdagangkan semula melalui pelabuhan-pelabuhan tempatan atau jaringan perdagangan maritim yang berada di luar kawalan kuasa kolonial. Dalam konteks ini, perlanunan berfungsi sebagai mekanisme pengagihan semula sumber ekonomi yang menyokong kelangsungan hidup komuniti pesisir yang tidak mempunyai akses kepada sistem perdagangan formal. Fenomena tersebut dapat diperhatikan di pelbagai ruang maritim Asia Tenggara termasuk Laut Sulu, Laut Sulawesi, Selat Melaka, Laut China Selatan, Laut Jawa serta beberapa perairan strategik lain seperti Laut Banda, Laut Flores, Laut Makassar dan Teluk Darvel di pantai timur Sabah (Amirell, 2019; Sim, 2014; Mohammad Sham & Tarsat, 2022; Abdul Rashid & Ramli, 2020). Keluasan taburan geografi ini menunjukkan bahawa perlanunan bukanlah fenomena terpencil atau bersifat sporadik sebaliknya berkait rapat dengan perkembangan perdagangan antarabangsa, kepentingan laluan maritim dan perubahan landskap politik serantau.

Walaupun kajian mengenai perlanunan di Asia Tenggara telah berkembang dengan pesat, sebahagian besar penyelidikan terdahulu lebih menumpukan kepada aspek keselamatan maritim, operasi ketenteraan kolonial, perdagangan hamba atau hubungan politik antara kuasa Barat dengan pemerintah tempatan. Sebaliknya, dimensi perlanunan sebagai satu bentuk ekonomi alternatif yang berkembang dalam kalangan masyarakat pesisir masih kurang diberikan perhatian secara sistematik. Kekurangan ini menyebabkan fungsi ekonomi perlanunan serta hubungannya dengan perubahan struktur perdagangan dunia belum dihuraikan secara menyeluruh dalam historiografi maritim Asia Tenggara. Dari perspektif ekonomi politik, perlanunan sebagai ekonomi alternatif dapat difahami melalui dua dimensi utama. Pertama, perkembangan perdagangan antarabangsa pada abad ke-18 dan ke-19 telah mewujudkan peluang ekonomi yang besar kepada komuniti maritim. Kapal-kapal dagang yang membawa rempah, tekstil, candu, logam berharga dan pelbagai komoditi mewah menjadi sasaran utama kerana menawarkan pulangan ekonomi yang tinggi melalui rampasan, tebusan dan perdagangan semula. Perkembangan ini menunjukkan bahawa peningkatan aktiviti perlanunan berkait rapat dengan intensifikasi perdagangan global dan bukannya berlaku secara kebetulan.

Kedua, struktur sosial dan politik masyarakat pesisir turut menyumbang kepada kelangsungan ekonomi alternatif tersebut. Komuniti yang terpinggir daripada pelabuhan rasmi atau sistem perdagangan yang dikawal oleh kuasa kolonial sering membangunkan mekanisme ekonomi sendiri bagi memastikan kelangsungan hidup. Dalam banyak keadaan, aktiviti perlanunan memperoleh legitimasi dalam struktur politik tempatan melalui hubungan dengan pemerintah, pembesar atau elit maritim yang menerima manfaat daripada penguasaan laluan perdagangan dan pengedaran komoditi. Keadaan ini memperlihatkan bahawa sempadan antara perdagangan, peperangan dan perlanunan pada zaman tersebut tidak sentiasa bersifat mutlak, sebaliknya bergantung pada konteks politik dan ekonomi setempat.

Dalam era imperialisme abad ke-18 hingga awal abad ke-20, retorik "memerangi lanun" turut digunakan oleh British, Belanda dan Sepanyol sebagai justifikasi untuk memperluaskan penguasaan terhadap laluan perdagangan strategik seperti Selat Melaka, Laut Sulu dan Laut China Selatan. Komuniti maritim seperti Iranun, Balangingi dan Bajau Laut sering digambarkan sebagai ancaman terhadap keamanan serantau, sedangkan gambaran tersebut banyak dipengaruhi oleh kepentingan geopolitik kuasa kolonial (Warren, 2007). Pada masa yang sama, bukti sejarah menunjukkan bahawa komuniti-komuniti ini telah lama membangunkan organisasi pelayaran, hierarki kepimpinan dan jaringan perdagangan yang tersendiri sebelum campur tangan kuasa Barat (Dalrymple, 1860; Andaya, 2008). Oleh itu, naratif kolonial tidak memadai untuk menjelaskan keseluruhan fungsi dan kedudukan perlanungan dalam sejarah maritim Asia Tenggara. Bagi menjelaskan fenomena tersebut, kajian ini menggunakan Teori Sistem Dunia yang diperkenalkan oleh Wallerstein (1974). Menurut teori ini, perkembangan kapitalisme global menghasilkan hubungan yang tidak seimbang antara negara atau wilayah teras (*core*) dengan kawasan pinggiran (*periphery*). Dalam konteks Asia Tenggara, masyarakat pesisir dapat dilihat sebagai komuniti pinggiran yang berhadapan dengan monopoli perdagangan, penguasaan laluan maritim dan pengumpulan modal oleh kuasa kolonial. Perlanungan, oleh itu, boleh ditafsirkan sebagai salah satu bentuk adaptasi ekonomi yang membolehkan komuniti tersebut mengekalkan akses terhadap sumber, laluan perdagangan dan kelangsungan hidup dalam sistem ekonomi dunia yang tidak seimbang.

Sehubungan itu, makalah ini bertujuan menganalisis perlanungan sebagai satu bentuk ekonomi alternatif dalam kalangan masyarakat maritim Asia Tenggara dengan meneliti hubungan antara perubahan struktur perdagangan global, kedudukan komuniti pesisir dalam sistem ekonomi dunia dan perkembangan aktiviti perlanungan pada abad ke-18 hingga ke-19. Pendekatan ini tidak bertujuan mewajarkan keganasan atau konflik yang berkaitan dengan perlanungan, sebaliknya membingkai semula fenomena tersebut dalam konteks sejarah ekonomi dan politik maritim bagi menghasilkan tafsiran yang lebih seimbang terhadap sejarah maritim Asia Tenggara.

Latar Belakang Teori Sistem Dunia

Teori Sistem Dunia (*World-Systems Theory*) yang diperkenalkan oleh Immanuel Wallerstein pada pertengahan 1970-an merupakan salah satu kerangka analisis utama dalam menjelaskan perkembangan sejarah ekonomi politik global. Berbeza dengan pendekatan yang menumpukan analisis kepada negara-bangsa secara terpisah, teori ini melihat dunia sebagai satu sistem ekonomi yang saling berhubung melalui jaringan perdagangan, pembahagian buruh antarabangsa dan pengumpulan modal. Wallerstein (1974) menghujahkan bahawa sistem kapitalis dunia dibentuk oleh tiga komponen utama, iaitu teras (*core*), separa pinggiran (*semi-periphery*) dan pinggiran (*periphery*). Negara atau wilayah teras menguasai modal, teknologi dan industri bernilai tinggi, manakala kawasan pinggiran membekalkan bahan mentah, tenaga buruh dan sumber ekonomi yang dieksplotasi bagi memenuhi keperluan pusat. Sementara itu, kawasan separa pinggiran berfungsi sebagai pengantara yang menghubungkan kedua-dua zon tersebut. Hubungan yang tidak seimbang antara ketiga-tiga komponen ini mewujudkan proses pengumpulan modal, pertukaran tidak seimbang (*unequal exchange*) dan pemusatan kekayaan yang membentuk hierarki ekonomi dunia.

Perlanunan sebagai Ekonomi Alternatif dalam konteks Teori Sistem Dunia:
Membingkai semula naratif sejarah maritim Asia Tenggara

Walaupun Wallerstein mengaitkan kemunculan sistem dunia moden dengan perkembangan kapitalisme Eropah sejak abad keenam belas, beberapa sarjana kemudiannya memperluaskan kerangka tersebut. Andre Gunder Frank (1998), melalui *ReOrient: Global Economy in the Asian Age*, berhujah bahawa Asia telah menjadi pusat kepada ekonomi dunia jauh sebelum kebangkitan Eropah. Menurut beliau, rangkaian perdagangan yang berpusat di China, India dan Asia Tenggara membentuk sistem ekonomi global yang dinamik, manakala kebangkitan Eropah hanya berlaku setelah benua tersebut berjaya mengintegrasikan diri ke dalam jaringan perdagangan Asia yang telah sedia berkembang. Hujah ini mencabar pandangan euro-sentrik yang meletakkan Eropah sebagai titik permulaan sistem ekonomi dunia.

Pandangan Frank diperkukuh oleh Janet L. Abu-Lughod (1989) dalam *Before European Hegemony*, yang menunjukkan bahawa jaringan perdagangan Afro-Eurasia telah membentuk suatu sistem ekonomi dunia sejak abad ke-13 hingga ke-14. Beliau mengenal pasti kewujudan beberapa pusat perdagangan yang saling berhubung melalui laluan maritim dan daratan tanpa bergantung kepada dominasi mana-mana kuasa tunggal. Dengan demikian, perkembangan ekonomi dunia sebelum era kolonial memperlihatkan bahawa Asia Tenggara telah lama berfungsi sebagai salah satu simpul penting dalam jaringan perdagangan antarabangsa yang menghubungkan Lautan Hindi dengan Laut China Selatan.

Dalam konteks kajian ini, Teori Sistem Dunia dipilih kerana menawarkan kerangka analisis yang mampu menjelaskan hubungan antara pengembangan kapitalisme kolonial, marginalisasi komuniti pesisir dan kemunculan perlanunan sebagai strategi ekonomi alternatif. Berbanding pendekatan keselamatan yang mentafsirkan perlanunan semata-mata sebagai jenayah maritim, teori ini membolehkan fenomena tersebut dianalisis sebagai tindak balas masyarakat pinggir terhadap ketidakseimbangan struktur ekonomi yang diwujudkan oleh penguasaan perdagangan dan laluan maritim oleh kuasa kolonial. Melalui perspektif ini, perlanunan tidak dilihat sebagai fenomena yang terasing daripada sistem ekonomi dunia, tetapi sebagai sebahagian daripada proses penyesuaian masyarakat maritim terhadap perubahan struktur perdagangan global.

Pengaplikasian teori ini terhadap Asia Tenggara pada abad ke-18 dan ke-19 menunjukkan bahawa komuniti pesisir di Laut Sulu, Laut Sulawesi (*Celebes Sea*), pantai timur Borneo dan Laut China Selatan berada dalam kedudukan pinggir yang semakin terintegrasi ke dalam ekonomi kolonial global. Penguasaan perdagangan oleh Sepanyol, British dan Belanda telah mengehadkan akses masyarakat tempatan kepada jaringan perdagangan formal serta mewujudkan ketidakseimbangan dalam penguasaan modal dan komoditi. Dalam keadaan tersebut, perlanunan berkembang sebagai mekanisme adaptasi ekonomi yang membolehkan komuniti maritim mengekalkan akses kepada sumber, laluan perdagangan dan jaringan pertukaran serantau. Aktiviti seperti rampasan kapal dagang, kutipan tebusan dan perdagangan hamba bukan sekadar menghasilkan pendapatan, malah menjadi sebahagian daripada proses pengagihan semula sumber dalam ekonomi maritim Asia Tenggara (Wallerstein, 1974; Reid, 1988; Warren, 2002).

Dinamika hubungan antara kawasan teras dan pinggir dapat diperhatikan melalui beberapa peristiwa sejarah. Serangan armada Balangingi terhadap kapal-kapal Sepanyol pada dekad 1830-an hingga 1840-an memperlihatkan tindak balas komuniti maritim terhadap penguasaan perdagangan kolonial di Laut Sulu. Sebaliknya,

pemusnahan kubu Balangingi oleh ekspedisi tentera Sepanyol pada tahun 1848 mencerminkan usaha kuasa kolonial untuk menghapuskan autonomi ekonomi dan politik masyarakat pesisir yang menguasai laluan perdagangan serantau. Begitu juga, pelaksanaan monopoli perdagangan oleh VOC di Kepulauan Maluku serta operasi British di pantai timur Borneo termasuk Teluk Darvel, memperlihatkan bagaimana pengembangan kapitalisme kolonial mengubah struktur ekonomi tempatan dan mendorong komuniti maritim membangunkan strategi penyesuaian melalui aktiviti perlanunan (Andaya, 2008; Mohammad Sham & Tarsat, 2022).

Secara keseluruhannya, gabungan Teori Sistem Dunia Wallerstein dengan perspektif Frank dan Abu-Lughod menyediakan kerangka konseptual yang lebih komprehensif untuk memahami hubungan antara struktur ekonomi global dan sejarah maritim Asia Tenggara. Ketiga-tiga sarjana tersebut berkongsi pandangan bahawa ekonomi dunia berkembang melalui jaringan perdagangan yang saling bergantung, walaupun mereka berbeza dalam menjelaskan asal-usul dan pusat graviti sistem tersebut. Dalam konteks kajian ini, teori tersebut membolehkan perlanunan ditafsirkan bukan sekadar sebagai gangguan terhadap keselamatan maritim, tetapi sebagai strategi adaptasi ekonomi masyarakat pinggiran yang berusaha mengekalkan kelangsungan hidup, mobiliti ekonomi dan autonomi politik dalam menghadapi pengembangan kapitalisme kolonial dan ketidakseimbangan struktur sistem ekonomi dunia (Frank, 1998; Abu-Lughod, 1989; Warren, 2002).

Sorotan Kajian

Kajian mengenai perlanunan di Asia Tenggara telah berkembang secara signifikan sejak beberapa dekad yang lalu, namun kebanyakan perbincangan masih didominasi oleh perspektif keselamatan maritim, sejarah kolonial dan hubungan kuasa antara kerajaan tempatan dengan kuasa Eropah. Dalam historiografi kolonial, perlanunan lazimnya ditafsirkan sebagai ancaman terhadap keselamatan pelayaran dan perdagangan antarabangsa yang memerlukan campur tangan ketenteraan bagi menjamin kestabilan laluan maritim. Tafsiran sedemikian banyak dipengaruhi oleh kepentingan politik dan ekonomi kuasa kolonial, sekali gus membentuk imej masyarakat maritim sebagai kelompok yang mengganggu ketenteraman perdagangan serantau. Walau bagaimanapun, perkembangan penyelidikan mutakhir menunjukkan bahawa tafsiran tersebut semakin dipersoalkan kerana tidak mengambil kira realiti sosial, ekonomi dan politik komuniti pesisir yang menjadi sebahagian daripada dunia maritim Asia Tenggara (Sim, 2014; Kleinen & Osseweijer, 2010).

Salah satu tema utama dalam literatur ialah perlanunan sebagai strategi ekonomi alternatif dalam kalangan komuniti pesisir. Sim (2014) berhujah bahawa perlanunan, serangan laut (*maritime raiding*) dan perdagangan hamba merupakan sebahagian daripada strategi penyesuaian ekonomi masyarakat maritim bagi memperoleh sumber pendapatan, menguasai laluan perdagangan dan mengekalkan kelangsungan hidup dalam keadaan ketidakpastian politik. Perlanunan bukan sekadar tindakan keganasan di laut, tetapi berkembang sebagai mekanisme ekonomi yang memanfaatkan peluang daripada pertumbuhan perdagangan serantau dan antarabangsa. Dalam konteks ini, aktiviti seperti rampasan kapal dagang, kutipan tebusan, penguasaan komoditi serta perdagangan semula barangan rampasan membentuk jaringan ekonomi tidak formal yang melangkaui sempadan politik dan wilayah.

Pandangan tersebut disokong oleh James Francis Warren (2002; 2007), yang menunjukkan bahawa kegiatan Iranun dan Balangingi tidak dapat dipisahkan daripada perkembangan ekonomi maritim di Laut Sulu pada abad ke-18 dan ke-19. Menurut Warren, peningkatan permintaan terhadap buruh paksa, hasil hutan, mutiara, tripang dan komoditi maritim lain telah mewujudkan rangkaian perdagangan yang menghubungkan komuniti pesisir dengan pasaran serantau dan antarabangsa. Dalam keadaan ini, perlanungan menjadi sebahagian daripada ekonomi politik maritim yang menyokong pengumpulan sumber, penguasaan tenaga kerja dan pembentukan kuasa politik tempatan. Oleh itu, kegiatan tersebut perlu difahami dalam konteks perubahan struktur ekonomi dunia dan bukannya hanya sebagai jenayah laut.

Selain dimensi ekonomi, beberapa sarjana turut menekankan kepentingan ruang maritim dan pelabuhan pesisir dalam menjelaskan perkembangan perlanungan. Kleinen dan Osseweijer (2010) menghujahkan bahawa pelabuhan, muara sungai dan kawasan pesisir berfungsi sebagai ruang interaksi antara perdagangan formal dan tidak formal. Komuniti yang tidak mempunyai akses kepada pelabuhan utama atau sistem perdagangan rasmi sering membangunkan jaringan pertukaran sendiri bagi memastikan kelangsungan ekonomi mereka. Hujah ini selari dengan Andaya (2008), yang menegaskan bahawa dunia Melayu sejak awal lagi dibentuk oleh jaringan pelayaran, hubungan diplomatik dan perdagangan maritim yang fleksibel. Dalam persekitaran sedemikian, sempadan antara perdagangan, peperangan dan perlanungan sering kali bersifat cair dan ditentukan oleh kepentingan politik serta ekonomi semasa.

Perbahasan yang lebih mutakhir turut memberi perhatian kepada pembinaan konsep "lanun" dalam historiografi kolonial. Budiawan (2025) menunjukkan bahawa pengertian "bajak laut" atau *pirate* berubah mengikut konteks sejarah, sosial dan politik. Dalam banyak sumber kolonial, istilah tersebut digunakan secara meluas bagi melabel komuniti maritim yang menentang monopoli perdagangan atau penguasaan wilayah oleh kuasa Barat. Justeru, penggunaan istilah "lanun" bukan sahaja membawa makna jenayah, malah berfungsi sebagai instrumen politik untuk mewajarkan campur tangan ketenteraan, peluasan wilayah dan pengukuhan hegemoni kolonial. Perspektif ini memperlihatkan bahawa naratif kolonial sering mengabaikan dimensi ekonomi, budaya dan legitimasi tempatan yang membentuk aktiviti perlanungan dalam masyarakat maritim.

Kajian-kajian mengenai masyarakat Iranun dan Balangingi turut memperlihatkan bahawa komuniti tersebut memiliki organisasi politik, kepimpinan maritim dan jaringan perdagangan yang kompleks. Kajian Mohammad Sham dan Tarsat (2022) menunjukkan bahawa aktiviti perlanungan di pesisir timur Borneo bukan sahaja berkait dengan pengumpulan kekayaan, tetapi juga berfungsi sebagai strategi adaptasi terhadap perubahan ekonomi, persaingan kuasa serantau dan tekanan kolonial. Penemuan ini menyokong pandangan bahawa komuniti pesisir merupakan aktor aktif yang membentuk dinamika ekonomi maritim, bukannya sekadar mangsa atau pelaku jenayah seperti yang sering digambarkan dalam rekod kolonial.

Dari sudut teori, perkembangan literatur ini menunjukkan keserasian yang jelas dengan Teori Sistem Dunia oleh Wallerstein (1974). Dalam kerangka tersebut, masyarakat pesisir Asia Tenggara boleh difahami sebagai komuniti pinggir (*periphery*) yang berhadapan dengan penguasaan perdagangan, pengumpulan modal dan monopoli ekonomi oleh kuasa-kuasa teras (*core*). Ketidakseimbangan struktur tersebut mendorong komuniti maritim membangunkan pelbagai strategi penyesuaian,

termasuk perlanunan, bagi mengekalkan akses kepada sumber ekonomi, laluan perdagangan dan mobiliti sosial. Oleh itu, perlanunan tidak harus dilihat sebagai fenomena yang terpisah daripada sistem ekonomi dunia, tetapi sebagai sebahagian daripada tindak balas masyarakat pinggiran terhadap perubahan struktur kapitalisme global.

Walaupun literatur sedia ada telah memberikan sumbangan penting dalam memahami hubungan antara perlanunan, perdagangan maritim dan kuasa kolonial, beberapa kekosongan masih dapat dikenal pasti. Pertama, sebahagian besar kajian masih didominasi oleh perspektif kolonial yang menumpukan kepada aspek keselamatan dan operasi ketenteraan, sedangkan pengalaman serta agensi komuniti pesisir kurang diberikan perhatian. Kedua, kajian yang menghubungkan secara langsung perlanunan dengan Teori Sistem Dunia dan konsep ekonomi alternatif masih terhad, khususnya dalam konteks Asia Tenggara pada abad ke-19. Ketiga, penelitian mengenai masyarakat Iranun dan Balangingi sering tertumpu kepada aspek perdagangan hamba dan konflik bersenjata, sedangkan fungsi perlanunan sebagai mekanisme adaptasi i ekonomi dalam menghadapi ketidakseimbangan struktur perdagangan global masih belum diuraikan secara mendalam.

Berdasarkan jurang tersebut, kajian ini mengemukakan pendekatan yang berbeza dengan menafsirkan perlanunan sebagai satu bentuk ekonomi alternatif yang berkembang dalam kalangan masyarakat Iranun dan Balangingi di Asia Tenggara abad ke-19. Berpandukan Teori Sistem Dunia, kajian ini meneliti bagaimana perubahan struktur perdagangan global, pengembangan kapitalisme kolonial dan kedudukan masyarakat pesisir sebagai komuniti pinggiran telah membentuk strategi ekonomi, politik dan sosial mereka. Pendekatan ini diharapkan dapat memperkayakan historiografi maritim Asia Tenggara dengan menawarkan tafsiran yang lebih seimbang terhadap hubungan antara perlanunan, ekonomi politik dan transformasi dunia maritim serantau.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan metodologi sejarah bagi menganalisis fenomena perlanunan di Asia Tenggara pada abad ke-18 hingga ke-19. Pendekatan ini dipilih kerana ia membolehkan penelitian terhadap dimensi sosial, ekonomi dan politik yang membentuk perkembangan perlanunan serta hubungan kuasa antara komuniti maritim tempatan dengan kuasa kolonial. Data kajian diperoleh melalui sumber sekunder yang terdiri daripada karya ilmiah berkaitan sejarah maritim Asia Tenggara. Setiap sumber dinilai melalui kritikan sejarah dengan mengambil kira aspek keaslian, konteks penghasilan, latar belakang penulis dan kemungkinan bias kolonial dalam pembentukan naratif mengenai "perlanunan" (Bowen, 2009).

Analisis data dilakukan melalui pendekatan analisis tematik bagi mengenal pasti pola dan tema utama yang berkaitan dengan perlanunan sebagai ekonomi alternatif, jaringan perdagangan maritim, struktur sosial komuniti pesisir serta strategi adaptasi terhadap perubahan ekonomi global dan tekanan kolonial (Creswell & Poth, 2018). Tema-tema yang dikenal pasti kemudiannya ditafsir menggunakan Teori Sistem Dunia Wallerstein (1974) bagi memahami kedudukan masyarakat pesisir sebagai komuniti pinggiran (*periphery*) yang bertindak balas terhadap penguasaan perdagangan oleh kuasa teras (*core*). Melalui gabungan sumber sekunder, kritikan sumber dan interpretasi teori, kajian ini berusaha membingkai semula perlanunan bukan semata-

mata sebagai jenayah maritim tetapi sebagai strategi ekonomi dan sosial masyarakat pesisir dalam menghadapi ketidakseimbangan struktur ekonomi politik dunia.

Naratif Kolonial dan Wacana Jenayah Laut

Wacana kolonial mengenai perlanunan pada abad ke-18 dan ke-19 memainkan peranan penting dalam membentuk persepsi terhadap masyarakat maritim Asia Tenggara sebagai ancaman terhadap keselamatan pelayaran dan perdagangan antarabangsa. Istilah "lanun" (*pirate*) yang digunakan dalam sumber kolonial bukan sekadar merujuk kepada tindakan keganasan di laut, sebaliknya turut berfungsi sebagai suatu kategori politik yang berkait rapat dengan kepentingan imperial, penguasaan ruang maritim dan pembentukan undang-undang kolonial. Dalam konteks ini, usaha membanteras kegiatan lanun tidak hanya bertujuan menangani gangguan terhadap pelayaran, tetapi juga menjadi mekanisme untuk memperkukuh pengaruh politik dan penguasaan ekonomi kuasa kolonial terhadap laluan perdagangan strategik di Asia Tenggara (Tarling, 1992; Tarling, 1998; Trocki, 2007).

Konsep "perlanunan" dalam konteks Asia Tenggara perlu difahami sebagai suatu kategori sejarah yang terbentuk melalui hubungan antara kuasa politik, undang-undang dan kepentingan ekonomi. Aktiviti maritim masyarakat tempatan sering ditafsirkan melalui sudut pandang kolonial yang membezakan antara perdagangan yang dianggap sah dengan tindakan yang dikategorikan sebagai jenayah. Walau bagaimanapun, dalam realiti masyarakat maritim tradisional, sempadan antara perdagangan, peperangan, serangan maritim dan perlanunan tidak sentiasa jelas. Kuasa kolonial seperti British, Belanda dan Sepanyol menggunakan retorik ancaman lanun untuk mewajarkan peluasan ketenteraan, pengawalan pelabuhan, pemantauan laluan laut serta pengukuhan monopoli perdagangan di kawasan strategik Nusantara (Trocki, 2007; Andaya, 2008). Dalam historiografi Barat, istilah *pirate* juga tidak mempunyai makna yang seragam kerana penggunaannya bergantung pada konteks politik dan hubungan kuasa. Kategori seperti *privateer*, *corsair* dan *buccaneer* menunjukkan bahawa sesuatu tindakan maritim boleh dianggap sah atau tidak sah bergantung pada pihak yang mempunyai kuasa untuk menentukan aturan undang-undang dan legitimasi politik (Cordingly, 1995; Rediker, 2004). Perspektif ini selaras dengan hujah Edward Said (1978) melalui konsep *Orientalism* yang menjelaskan bagaimana masyarakat bukan Eropah sering digambarkan melalui sistem pengetahuan yang dibentuk oleh kuasa kolonial. Dalam konteks tersebut, istilah seperti "lanun" bukan sekadar gambaran terhadap sesuatu Tindakan namun turut membentuk representasi terhadap masyarakat maritim sebagai tidak teratur, ganas dan bertentangan dengan kepentingan ekonomi kolonial.

Dalam konteks Asia Tenggara, pelabelan masyarakat maritim sebagai "lanun" sering berkait dengan kedudukan mereka di luar struktur pemerintahan kolonial dan sistem perdagangan yang dikawal oleh kuasa Eropah. Sumber kolonial British, Sepanyol dan Belanda lazimnya mentafsir aktiviti pelayaran bersenjata masyarakat tempatan sebagai ancaman terhadap keamanan serantau, walaupun sebahagian daripada aktiviti tersebut beroperasi dalam jaringan politik, ekonomi dan sosial tempatan yang mempunyai aturan tersendiri. Oleh itu, perlanunan tidak wajar difahami semata-mata sebagai tindakan jenayah individu. Namun, perlu dilihat dalam konteks yang lebih luas melibatkan persaingan kuasa, perebutan sumber ekonomi dan penguasaan laluan perdagangan maritim (Warren, 2002; Trocki, 2007).

Kajian sejarah maritim menunjukkan bahawa sebahagian aktiviti yang dilabel sebagai "perompakan laut" oleh kuasa kolonial sebenarnya berkait dengan konflik politik maritim, persaingan ekonomi serta tindak balas terhadap perubahan struktur perdagangan serantau. Sebelum kemunculan dominasi kolonial Eropah, Asia Tenggara telah lama menjadi sebahagian daripada jaringan perdagangan antarabangsa yang menghubungkan Lautan Hindi, Selat Melaka dan Laut China Selatan. Masyarakat maritim seperti Orang Laut, Bugis, Iranun dan Balangingi memainkan peranan penting dalam jaringan perdagangan, mobiliti manusia serta pembentukan kuasa politik berasaskan laut (Reid, 1993). Oleh itu, kolonialisme bukanlah faktor yang mencipta dunia maritim tersebut, sebaliknya mengubah struktur kuasa sedia ada dan mentafsir semula sebahagian aktiviti maritim tempatan melalui kerangka keselamatan kolonial. Dalam konteks Laut Sulu dan pantai timur Borneo, kajian James Francis Warren (2002) menunjukkan bahawa kegiatan Iranun dan Balangingi tidak dapat dipisahkan daripada sistem ekonomi maritim yang melibatkan perdagangan, perhambaan, hubungan patronase politik dan persaingan kuasa serantau. Kedua-dua komuniti tersebut mempunyai struktur sosial, organisasi kepimpinan dan jaringan perdagangan yang tersusun, sekali gus memperlihatkan bahawa mereka merupakan aktor ekonomi dan politik dalam dunia maritim, bukannya sekadar kelompok yang terlibat dalam kegiatan jenayah seperti yang digambarkan oleh sumber kolonial. Andaya (2008) turut menegaskan bahawa masyarakat maritim Asia Tenggara memiliki sistem ekonomi dan politik tersendiri yang berasaskan mobiliti laut, hubungan patron-klien serta penguasaan laluan perdagangan sebelum campur tangan kuasa kolonial.

Dari perspektif Teori Sistem Dunia (*World-Systems Theory*) oleh Wallerstein (1974), proses pembinaan wacana Jenayah terhadap masyarakat maritim dapat difahami sebagai sebahagian daripada usaha kuasa teras (*core*) untuk menyusun semula ruang ekonomi pinggir (*periphery*) berdasarkan kepentingan kapitalisme kolonial. Pengawasan terhadap aktiviti maritim tempatan membolehkan kuasa kolonial mengintegrasikan laluan perdagangan serantau ke dalam sistem ekonomi global yang berasaskan pengumpulan modal, monopoli perdagangan dan penguasaan sumber. Dalam kerangka ini, pelabelan "lanun" bukan sahaja berfungsi sebagai kategori keselamatan, tetapi juga sebagai instrumen politik bagi menghadkan bentuk ekonomi alternatif yang berkembang di luar kawalan kolonial.

Secara keseluruhannya, naratif kolonial mengenai perlanunan merupakan hasil daripada pertembungan antara kepentingan imperial, struktur ekonomi global dan realiti politik masyarakat maritim tempatan. Analisis kritikal terhadap sumber kolonial menunjukkan bahawa istilah "lanun" bukanlah kategori yang bersifat neutral dan mutlak, sebaliknya merupakan suatu konstruksi sejarah yang berubah mengikut kepentingan politik dan ekonomi sesuatu zaman. Oleh itu, sejarah perlanunan di Asia Tenggara perlu difahami secara lebih menyeluruh sebagai fenomena yang melibatkan aspek konflik, ekonomi, mobiliti dan strategi adaptasi masyarakat pesisir dalam menghadapi perubahan struktur dunia maritim (Said, 1978; Warren, 2002; Tarling, 1992).

Perlanunan sebagai Strategi Sosioekonomi Masyarakat Maritim

Perlanunan dalam kalangan komuniti Iranun, Balangingi, Bugis dan Bajau Laut perlu difahami sebagai suatu strategi sosioekonomi yang berkembang dalam konteks perubahan struktur perdagangan serantau serta peluasan kuasa kolonial. Dalam kerangka Teori Sistem Dunia (*World-Systems Theory*), perkembangan ekonomi dunia

tidak bermula dengan kemunculan dominasi Eropah, sebaliknya telah terbentuk melalui jaringan perdagangan rentas wilayah yang menghubungkan Asia, Afrika dan Eropah sejak zaman awal. Abu-Lughod (1989) menunjukkan bahawa sistem perdagangan Afro-Eurasia telah memiliki jaringan ekonomi yang kompleks sebelum kemunculan hegemoni Barat, manakala Frank (1998) menegaskan bahawa Asia merupakan salah satu pusat penting dalam ekonomi dunia sebelum perubahan struktur kuasa global akibat peluasan kapitalisme Eropah.

Sejak akhir abad ke-18, peluasan sistem perdagangan kolonial oleh British, Belanda dan Sepanyol telah membawa perubahan besar terhadap ekonomi maritim Asia Tenggara melalui pengawalan pelabuhan, monopoli perdagangan dan penyusunan semula laluan ekonomi serantau berdasarkan kepentingan imperial. Perubahan tersebut telah mengehadkan sebahagian akses masyarakat pesisir terhadap jaringan perdagangan tradisional yang sebelum ini menjadi asas kehidupan ekonomi mereka (Reid, 1993; Warren, 2002). Dalam keadaan tersebut, sebahagian komuniti maritim membangunkan strategi ekonomi tidak formal bagi mengekalkan akses terhadap sumber, mobiliti dan peluang perdagangan.

Dalam konteks ini, perlanunan dapat ditafsirkan sebagai salah satu bentuk adaptasi ekonomi masyarakat pinggir (*periphery*) dalam menghadapi ketidakseimbangan struktur sistem dunia (Wallerstein, 1974). Walau bagaimanapun, perlanunan tidak harus difahami sebagai ekonomi alternatif yang bersifat tersusun seperti institusi perdagangan formal, sebaliknya sebagai sebahagian daripada ekonomi maritim tidak rasmi yang berkembang di antara sistem perdagangan kolonial dan jaringan ekonomi tempatan. Aktiviti seperti serangan terhadap kapal dagang, penguasaan barangan, pengambilan tebusan dan perdagangan manusia beroperasi dalam konteks ekonomi-politik yang lebih luas, yang melibatkan persaingan kuasa, jaringan perdagangan dan pembentukan status sosial dalam komuniti maritim. Dari sudut wacana kuasa, pelabelan terhadap masyarakat maritim sebagai "lanun" perlu difahami sebagai proses pembentukan kategori kolonial yang berkaitan dengan pengawalan dan pentadbiran ruang laut. Michel Foucault (1977) menjelaskan bahawa hubungan antara kuasa dan pengetahuan menghasilkan kategori sosial tertentu yang dianggap sebagai "kebenaran" melalui institusi dan wacana dominan. Dalam konteks ini, istilah "pirate" berfungsi sebagai kategori pentadbiran kolonial untuk membezakan antara aktiviti maritim yang berada dalam kawalan undang-undang imperial dengan aktiviti yang dianggap mengancam kepentingan kolonial.

Pandangan ini selari dengan hujah Edward Said (1978) melalui konsep *Orientalism*, yang menunjukkan bahawa representasi terhadap masyarakat bukan Eropah sering dibentuk melalui proses penghasilan imej "yang lain" (*Othering*). Oleh itu, istilah "lanun" bukan sekadar merujuk kepada tindakan tertentu tetapi turut membentuk gambaran terhadap masyarakat maritim sebagai tidak teratur, ganas dan bertentangan dengan kemajuan ekonomi kolonial. Walau bagaimanapun, kategori tersebut perlu dianalisis secara kritikal kerana dalam tradisi sejarah maritim global, istilah seperti *pirate*, *privateer*, *corsair* dan *buccaneer* sering berubah mengikut konteks politik serta pihak yang mempunyai kuasa untuk menentukan legitimasi sesuatu tindakan (Cordingly, 1995; Rediker, 2004). Dalam sejarah Asia Tenggara, masyarakat maritim tidak beroperasi dalam ruang tanpa aturan politik, sebaliknya terikat dengan jaringan kuasa, perdagangan dan hubungan patronase. Anthony Reid (1993) menunjukkan bahawa kawasan ini telah lama menjadi pusat perdagangan antarabangsa melalui jaringan pelabuhan, komoditi dan mobiliti manusia. Dalam

sistem tersebut, masyarakat seperti Iranun, Balangingi, Bugis dan Orang Laut memainkan peranan penting sebagai pelayar, pedagang, pengawal laluan laut dan aktor politik dalam dunia maritim serantau.

Kajian Warren (2002) mengenai Laut Sulu menunjukkan bahawa aktiviti yang dilabel sebagai perlanunan berkait rapat dengan struktur perdagangan, perhambaan, patronase politik serta persaingan kuasa antara kerajaan tempatan dan kuasa kolonial. Iranun dan Balangingi bukan sekadar kelompok yang melakukan serangan laut namun ia merupakan komuniti maritim yang memiliki organisasi sosial, kepimpinan politik dan jaringan ekonomi tersendiri. Andaya (2006) turut menegaskan bahawa laut di Asia Tenggara merupakan ruang politik aktif yang dikawal melalui hubungan kuasa dan jaringan sosial, bukannya kawasan yang bebas daripada aturan politik. Dalam konteks ekonomi global, pelabuhan Sulu dan kawasan sekitarnya berfungsi sebagai sebahagian daripada jaringan perdagangan serantau yang menghubungkan komoditi maritim seperti tripang, mutiara dan hasil laut dengan pasaran antarabangsa. Hal ini menunjukkan bahawa kegiatan perlanunan, perdagangan tidak formal dan ekonomi raiding berkembang dalam hubungan langsung dengan perubahan ekonomi dunia, bukannya terpisah daripada sistem global (Abu-Lughod, 1989; Frank, 1998; Warren, 2002). Oleh sebab itu, tindak balas kolonial terhadap perlanunan bukan sahaja berkaitan dengan aspek keselamatan, tetapi juga melibatkan usaha menyusun semula ekonomi maritim tempatan agar selaras dengan kepentingan perdagangan kolonial (Tarling, 1992; Trocki, 2007).

Secara keseluruhannya, perlanunan di Asia Tenggara perlu difahami sebagai fenomena sosioekonomi dan politik yang terbentuk melalui interaksi antara struktur ekonomi dunia, wacana kolonial dan agensi masyarakat maritim tempatan. Dalam perspektif Teori Sistem Dunia, komuniti pesisir yang berada dalam kedudukan pinggir tidak sekadar menerima tekanan daripada kuasa teras, tetapi turut membangunkan strategi adaptasi bagi mengekalkan kelangsungan ekonomi dan sosial mereka. Oleh itu, perlanunan merupakan sebahagian daripada sejarah maritim Asia Tenggara yang memperlihatkan bagaimana masyarakat tempatan bertindak balas terhadap perubahan struktur perdagangan global dan transformasi kuasa kolonial (Wallerstein, 1974; Warren, 2002; Reid, 1993).

Struktur Sosial, Etika Maritim dan Organisasi Ekonomi Komuniti Pesisir

Dalam kajian sejarah maritim Asia Tenggara, komuniti laut tidak boleh difahami sebagai kelompok sosial yang terpisah daripada struktur ekonomi dan kuasa serantau. Sebaliknya, mereka merupakan sebahagian daripada jaringan perdagangan antarwilayah yang telah berkembang sebelum kemunculan dominasi kolonial Eropah. Abu-Lughod (1989) menunjukkan bahawa sistem perdagangan dunia telah terbentuk melalui jaringan Afro-Eurasia yang kompleks, manakala Frank (1998) menegaskan bahawa Asia merupakan salah satu pusat penting dalam ekonomi dunia awal dan bukannya sekadar kawasan pinggir yang pasif. Dalam konteks ini, masyarakat maritim Asia Tenggara berperanan sebagai aktor aktif yang membentuk hubungan perdagangan, mobiliti manusia dan kuasa politik berasaskan laut.

Dalam ruang maritim Nusantara, struktur sosial komuniti pelaut dibentuk oleh gabungan nilai budaya, kepentingan ekonomi dan hubungan politik tempatan. Dalam kalangan masyarakat Bugis-Makassar, konsep *siri'* yang berkaitan dengan maruah dan kehormatan serta *pesse* yang merujuk kepada solidariti sosial menjadi asas kepada

pembentukan hubungan kepercayaan, kerjasama dan identiti kolektif (Pelras, 1996; Andaya, 2006). Walau bagaimanapun, nilai tersebut tidak wujud dalam ruang sosial yang sepenuhnya harmoni, sebaliknya berkembang dalam persekitaran yang dipengaruhi persaingan ekonomi, konflik politik dan perubahan struktur perdagangan serantau. Dari perspektif ekonomi politik, tindakan kolektif masyarakat maritim seperti perdagangan, mobiliti pelayaran dan serangan laut (*maritime raiding*) perlu difahami sebagai sebahagian daripada strategi adaptasi terhadap perubahan struktur ekonomi dunia akibat peluasan kapitalisme kolonial (Wallerstein, 1974; Reid, 1993). Dalam konteks ini, aktiviti yang dilabel sebagai "perlanungan" oleh kuasa kolonial tidak semestinya merujuk kepada tindakan jenayah semata-mata, tetapi juga berkaitan dengan bentuk penguasaan sumber, persaingan politik dan ekonomi tidak formal dalam masyarakat maritim.

Kajian James Francis Warren (2002; 2007) menunjukkan bahawa komuniti Iranun dan Balangingi di Laut Sulu memiliki struktur ekonomi dan sosial yang kompleks, di mana aktiviti serangan laut, perdagangan dan perhambaan berkembang dalam suatu sistem ekonomi politik yang saling berkaitan. Hasil daripada aktiviti tersebut tidak diagihkan secara rawak, tetapi beroperasi melalui jaringan patronase yang menghubungkan pelaut dengan elit politik seperti sultan dan datu. Pangkalan maritim seperti Balangingi pula berfungsi sebagai pusat logistik, penyimpanan sumber dan pengagihan hasil ekonomi dalam jaringan perdagangan serantau. Selain struktur ekonomi, identiti masyarakat maritim turut dibentuk melalui hubungan rapat antara manusia, laut dan mobiliti. Kajian Nimmo (2001) mengenai masyarakat Sama-Bajau menunjukkan bahawa ruang laut bukan sekadar kawasan geografi, tetapi merupakan asas kepada pembentukan identiti sosial, pengetahuan pelayaran dan strategi kelangsungan hidup. Dalam konteks ini, etika maritim berfungsi sebagai mekanisme sosial yang mengatur hubungan kerjasama, kepercayaan, pembahagian hasil dan penyusunan organisasi komuniti.

Walaupun bagaimanapun, struktur sosial dan etika maritim tersebut tidak boleh ditafsirkan sebagai sistem yang bebas daripada konflik atau keganasan. Aktiviti serangan laut turut melibatkan penahanan manusia, eksploitasi ekonomi dan persaingan antara komuniti. Oleh itu, penelitian sejarah terhadap masyarakat maritim perlu mengelakkan romantisasi dan memahami perlanungan sebagai sebahagian daripada ekonomi politik laut yang melibatkan kerjasama, konflik dan perebutan kuasa. Dalam perspektif wacana kolonial, pelabelan masyarakat maritim sebagai "lanun" merupakan sebahagian daripada proses pembentukan pengetahuan yang berkaitan dengan kuasa. Said (1978) menunjukkan bahawa representasi kolonial terhadap masyarakat bukan Eropah sering dibina melalui proses "Othering", iaitu penghasilan imej kelompok tertentu sebagai tidak teratur atau mengancam. Dalam konteks ini, istilah "lanun" berfungsi sebagai kategori pentadbiran kolonial untuk membezakan aktiviti maritim yang berada di luar kawalan undang-undang imperial daripada sistem perdagangan yang diiktiraf oleh kuasa kolonial.

Kajian Andaya (2006) menunjukkan bahawa dunia maritim Asia Tenggara merupakan ruang politik yang aktif, di mana jaringan patronase, perdagangan dan mobiliti sosial membentuk suatu sistem pemerintahan serta hubungan kuasa yang tersendiri. Oleh itu, aktiviti seperti perdagangan tidak formal dan serangan laut tidak boleh dianggap sebagai penyimpangan daripada norma sosial, tetapi perlu difahami dalam konteks sistem politik-ekonomi masyarakat maritim pada masa tersebut. Dari sudut ekonomi global, pelabuhan seperti Sulu berfungsi sebagai nod penting yang

menghubungkan komoditi maritim seperti tripang, mutiara dan hasil laut lain dengan pasaran serantau serta antarabangsa. Hal ini menunjukkan bahawa ekonomi maritim masyarakat pesisir tidak terpisah daripada sistem dunia, tetapi merupakan sebahagian daripada jaringan perdagangan global awal (Abu-Lughod, 1989; Frank, 1998; Warren, 2002). Dalam masa yang sama, tindak balas British, Sepanyol dan Belanda terhadap aktiviti yang mereka kategorikan sebagai "piracy" turut mencerminkan usaha mengawal ruang laut dan menyusun semula ekonomi maritim berdasarkan kepentingan kolonial (Tarling, 1992; Trocki, 2007).

Kesimpulannya, struktur sosial dan etika maritim masyarakat Asia Tenggara perlu difahami dalam kerangka ekonomi politik yang lebih luas, iaitu melalui hubungan antara nilai budaya, jaringan patronase, mobiliti laut dan perubahan sistem perdagangan global. Dalam konteks ini, perlanunan dan serangan laut bukan fenomena yang terasing, tetapi sebahagian daripada strategi adaptasi masyarakat maritim dalam menghadapi transformasi ekonomi dan politik dunia kolonial (Wallerstein, 1974; Frank, 1998; Warren, 2002).

Antara Perdagangan, Patronase dan Penentangan Politik: Ekonomi Raiding Masyarakat Maritim

Dalam kerangka ekonomi politik global, perlanunan di Asia Tenggara perlu difahami sebagai sebahagian daripada transformasi sistem dunia yang mengubah hubungan antara perdagangan, kuasa dan mobiliti maritim sejak abad ke-18. Berdasarkan Teori Sistem Dunia (*World-Systems Theory*), perkembangan kapitalisme kolonial bukan sahaja membentuk hierarki antara pusat (*core*) dan pinggiran (*periphery*) tetapi turut menghasilkan ruang ekonomi tidak formal yang mendorong masyarakat tempatan membangunkan strategi adaptasi melalui perdagangan alternatif, serangan laut (*maritime raiding*) dan mobiliti tenaga kerja (Wallerstein, 1974; Frank, 1998). Dalam konteks ini, perlanunan tidak muncul sebagai fenomena yang terasing daripada ekonomi serantau, tetapi berkembang dalam hubungan langsung dengan perubahan struktur perdagangan global.

Komuniti maritim seperti Iranun, Balangingi dan Bugis beroperasi dalam jaringan politik serta ekonomi yang menghubungkan pelabuhan, kesultanan dan pasaran serantau. Walaupun setiap komuniti mempunyai latar sejarah yang berbeza, mereka berkongsi ciri utama sebagai masyarakat yang bergantung kepada mobiliti laut, jaringan perdagangan dan hubungan patronase politik. Dalam ekonomi raiding, terdapat beberapa tahap operasi yang saling berkaitan. Pertama, tahap ekspedisi maritim yang melibatkan kelompok pelaut bersenjata yang menjalankan aktiviti serangan laut. Kedua, tahap pertukaran dan perantaraan yang melibatkan pedagang pelabuhan, broker etnik seperti Bugis, Cina dan Arab, serta pegawai tempatan yang menghubungkan hasil rampasan dengan pasaran serantau. Ketiga, tahap pengagihan yang dikendalikan melalui jaringan patronase antara pelaut dengan elit politik seperti sultan dan datu laut bagi mengekalkan sokongan politik serta membiayai ekspedisi seterusnya (Warren, 2002; Reid, 1993).

Dalam sistem ekonomi tersebut, nilai sesuatu komoditi tidak ditentukan secara tetap, sebaliknya bergantung kepada permintaan pasaran, jaringan perdagangan dan kedudukan pelabuhan perantara. Komoditi seperti hamba, tripang, mutiara dan hasil rampasan memiliki nilai ekonomi berdasarkan hubungannya dengan pasaran serantau dan antarabangsa. Oleh itu, pelabuhan bukan sekadar tempat persinggahan kapal,

tetapi berfungsi sebagai institusi ekonomi yang mengatur pertukaran, pengagihan risiko dan aliran sumber dalam ekonomi maritim tidak formal Asia Tenggara. Dari sudut politik, ekonomi raiding berkembang melalui hubungan timbal balik antara komuniti pelaut dengan elit pemerintahan tempatan. Sultan atau datu laut menyediakan perlindungan politik, legitimasi sosial dan akses kepada ruang perdagangan, manakala komuniti pelaut menyumbang kekuatan maritim untuk mengawal laluan laut dan mempertahankan kepentingan politik wilayah mereka. Dalam konteks ini, serangan laut tidak boleh dilihat sebagai tindakan individu semata-mata, tetapi sebagai sebahagian daripada ekonomi politik patronase yang menghubungkan kuasa daratan dengan kuasa maritim (Andaya, 2006; Warren, 2007).

Walau bagaimanapun, perkembangan ekonomi maritim tidak formal ini bertembung dengan kepentingan kolonial yang berusaha mengawal laluan perdagangan dan mengintegrasikan wilayah Asia Tenggara ke dalam sistem ekonomi kapitalis global. Michel Foucault (1977) menjelaskan bahawa kuasa bukan sahaja berfungsi melalui tindakan paksaan, tetapi juga melalui penghasilan kategori pengetahuan yang menentukan sesuatu tindakan sebagai sah atau tidak sah. Dalam konteks ini, istilah "pirate" berkembang sebagai kategori pentadbiran kolonial yang digunakan untuk mentafsir dan mengawal aktiviti maritim yang berada di luar sistem undang-undang imperial. Hujah ini selari dengan pandangan Edward Said (1978) bahawa representasi kolonial terhadap masyarakat bukan Eropah sering dibentuk melalui proses "Othering", iaitu penghasilan imej kelompok tertentu sebagai ancaman terhadap ketertiban politik dan ekonomi. Oleh itu, istilah "lanun" bukan sekadar istilah undang-undang, tetapi turut menjadi instrumen wacana yang membantu mewajarkan campur tangan ketenteraan dan peluasan kawalan kolonial terhadap ruang maritim Asia Tenggara.

Sebagai tindak balas terhadap aktiviti yang dikategorikan sebagai "*piracy*", kuasa kolonial seperti Sepanyol, Belanda dan British melaksanakan pelbagai strategi termasuk ekspedisi ketenteraan, pengukuhan kapal rondaan, pembinaan kubu maritim dan pengenalan undang-undang laut kolonial. Langkah tersebut bukan sahaja bertujuan mengurangkan ancaman terhadap perdagangan, tetapi juga bertujuan menyusun semula struktur ekonomi maritim agar selaras dengan kepentingan kolonial (Tarling, 1992; Trocki, 2007). Contohnya, operasi Sepanyol terhadap pangkalan Balangingi pada tahun 1848 memperlihatkan usaha melemahkan pusat kuasa maritim yang mempunyai autonomi politik serta jaringan ekonomi sendiri di luar kawalan Sepanyol.

Dalam konteks ini, perlanungan dan serangan laut perlu difahami sebagai hasil interaksi kompleks antara ekonomi tidak formal, jaringan patronase tempatan dan strategi penguasaan kolonial. Ia bukan semata-mata fenomena jenayah atau deviasi sosial, tetapi sebahagian daripada ekonomi politik maritim yang berkembang dalam ketegangan antara usaha masyarakat tempatan mengekalkan autonomi ekonomi dengan usaha kuasa kolonial menyusun semula ruang perdagangan berdasarkan kepentingan kapitalisme global (Wallerstein, 1974; Frank, 1998; Warren, 2002).

Perlanunan dalam Struktur Ketidakseimbangan Sistem Dunia: Ekonomi Raiding dan Respons Kolonial di Asia Tenggara

Dalam kerangka ekonomi politik global, perkembangan pelanunan di Asia Tenggara perlu difahami dalam konteks ketidakseimbangan struktur sistem dunia yang membentuk hubungan antara pusat (*core*), separuh pinggir (*semi-periphery*) dan pinggir (*periphery*) sebagaimana diuraikan oleh Wallerstein (1974). Perluasan kapitalisme dunia bukan sahaja menghasilkan hierarki ekonomi global, tetapi turut mewujudkan tekanan terhadap komuniti maritim yang berada di luar pusat perdagangan kolonial. Dalam keadaan tersebut, masyarakat pesisir membangunkan pelbagai strategi adaptasi bagi mengekalkan akses terhadap sumber, laluan pelayaran dan jaringan ekonomi yang semakin dikawal oleh kuasa kolonial.

Walau bagaimanapun, proses ini perlu difahami secara lebih luas kerana sistem ekonomi dunia tidak bermula dengan dominasi Eropah semata-mata. Frank (1998) menegaskan bahawa Asia merupakan salah satu pusat utama dalam ekonomi dunia awal, manakala Abu-Lughod (1989) menunjukkan bahawa jaringan perdagangan Afro-Eurasia telah membentuk sistem ekonomi yang kompleks dan multipolar sebelum kemunculan hegemoni Barat. Dalam konteks ini, masyarakat maritim Asia Tenggara bukan sekadar kelompok pinggir pasif, tetapi merupakan aktor yang terlibat secara aktif dalam jaringan perdagangan, mobiliti manusia dan pertukaran komoditi serantau. Dalam konteks tersebut, pelanunan tidak boleh dilihat sebagai ekonomi yang tidak tersusun, sebaliknya sebagai sebahagian daripada ekonomi maritim tidak formal yang berkembang dalam ruang antara sistem perdagangan kolonial dan jaringan ekonomi tempatan. Ekonomi ini beroperasi melalui beberapa tahap yang saling berkaitan, iaitu operasi maritim, jaringan perantara dan mekanisme pengagihan. Komuniti seperti Iranun, Balangingi dan Bugis menjalankan ekspedisi raiding berdasarkan pertimbangan strategik terhadap nilai komoditi, peluang perdagangan, keadaan politik serta risiko perjalanan laut (Warren, 2002).


Jaringan perantara memainkan peranan penting dalam menghubungkan hasil raiding dengan pasaran yang lebih luas. Pedagang Cina, Bugis dan Arab berfungsi sebagai penghubung antara pelabuhan tempatan dengan jaringan perdagangan China Seas dan Lautan Hindi (Reid, 1993; Andaya, 1993). Dalam sistem ini, pelabuhan bukan sekadar tempat pertukaran fizikal, tetapi berfungsi sebagai institusi ekonomi yang menentukan nilai komoditi, mengurus risiko perdagangan dan menghubungkan ekonomi tempatan dengan pasaran serantau. Tahap seterusnya melibatkan mekanisme pengagihan melalui jaringan patronase politik. Elit tempatan seperti sultan dan datu laut memainkan peranan penting dalam mengurus hasil ekonomi, membiayai ekspedisi, serta mengekalkan hubungan politik dengan komuniti pelaut (Andaya, 1993; Warren, 2002). Oleh itu, ekonomi raiding tidak beroperasi secara bebas daripada struktur politik, tetapi berkait rapat dengan sistem kuasa yang menghubungkan komuniti maritim dengan institusi pemerintahan tempatan.

Jaringan Sulu menunjukkan bagaimana ekonomi maritim tidak formal berhubung dengan pasaran antarabangsa. Hasil laut seperti tripang, mutiara dan komoditi lain dikumpulkan melalui jaringan pelabuhan tempatan sebelum disalurkan kepada pedagang perantara dan seterusnya memasuki pasaran yang lebih luas seperti Canton (Warren, 2002). Fenomena ini menunjukkan bahawa aktiviti yang kemudiannya dilabel sebagai "pelanunan" sebenarnya berkembang dalam hubungan langsung dengan sistem perdagangan global, walaupun berada di luar kawalan institusi kolonial.

Namun demikian, perkembangan ekonomi maritim alternatif ini bertentangan dengan usaha kuasa kolonial untuk mengawal laluan perdagangan dan menyusun semula ruang ekonomi berdasarkan kepentingan imperial. Dari perspektif Foucault (1977), kuasa bukan sahaja beroperasi melalui paksaan, tetapi juga melalui pembentukan kategori pengetahuan yang menentukan sesuatu tindakan sebagai sah atau tidak sah. Dalam konteks ini, istilah "piracy" berfungsi sebagai kategori kolonial yang mentakrifkan aktiviti maritim tempatan berdasarkan kerangka undang-undang dan kepentingan imperial.

Pandangan ini selari dengan Said (1978) yang menunjukkan bahawa wacana kolonial membentuk representasi masyarakat bukan Eropah melalui proses "Othering". Masyarakat maritim tempatan sering digambarkan sebagai ancaman terhadap perdagangan dan keselamatan, sekali gus menyediakan justifikasi politik untuk campur tangan ketenteraan serta peluasan kawalan kolonial. Sebagai tindak balas, kuasa kolonial seperti Sepanyol, Belanda dan British membangunkan mekanisme kawalan maritim melalui ekspedisi ketenteraan, rondaan laut, pembinaan kubu serta pengenalan undang-undang maritim. Langkah tersebut bukan sahaja bertujuan menangani ancaman terhadap perdagangan, tetapi juga bertujuan menyusun semula ekonomi maritim agar selaras dengan struktur kapitalisme kolonial (Tarling, 1992; Warren, 2002).

Secara keseluruhannya, perkembangan perlanungan di Asia Tenggara memperlihatkan suatu hubungan kompleks antara struktur ekonomi dunia, strategi adaptasi masyarakat maritim dan proses pembentukan kuasa kolonial. Hubungan tersebut dapat dirumuskan melalui rangkaian berikut:



Dengan demikian, perlanungan di Asia Tenggara perlu difahami bukan sekadar sebagai fenomena jenayah laut, tetapi sebagai sebahagian daripada ekonomi politik maritim yang terbentuk melalui interaksi antara sistem dunia, jaringan perdagangan tempatan dan proses pengembangan kuasa kolonial (Wallerstein, 1974; Abu-Lughod, 1989; Frank, 1998; Warren, 2002).

Membingkai Semula Konsep "Lanun": Ekonomi, Kuasa dan Pembinaan Wacana Kolonial di Asia Tenggara

Membingkai semula konsep "lanun" dalam sejarah maritim Asia Tenggara memerlukan pemahaman bahawa istilah tersebut bukan kategori yang bersifat neutral, tetapi merupakan suatu konstruksi sosial dan politik yang terbentuk melalui hubungan kuasa, kepentingan ekonomi serta proses pembentukan pemerintahan kolonial. Dalam kerangka Teori Sistem Dunia (*World-Systems Theory*), ketidakseimbangan antara pusat (*core*) dan pinggir (*periphery*) telah mewujudkan struktur ekonomi yang menghadkan akses sebahagian komuniti maritim terhadap perdagangan formal yang dikawal oleh kuasa kolonial. Dalam keadaan tersebut, masyarakat pesisir membangunkan pelbagai strategi adaptasi ekonomi dan politik, termasuk aktiviti raiding, mobiliti maritim dan perdagangan tidak formal sebagai usaha mengekalkan kedudukan mereka dalam sistem ekonomi serantau (Wallerstein, 1974; Abu-Lughod, 1989).

Dalam konteks ini, perlanungan tidak wajar difahami semata-mata sebagai penyimpangan sosial atau tindakan jenayah laut tetapi sebagai fenomena yang berkembang dalam ruang pertemuan antara struktur ekonomi global, peluang perdagangan dan autonomi masyarakat maritim. Aktiviti raiding beroperasi dalam suatu rangkaian ekonomi transregional yang menghubungkan komuniti pelaut, pelabuhan perantara dan pasaran antarabangsa. Hasil daripada ekspedisi maritim seperti komoditi laut, barangan dagangan serta manusia yang ditawan melalui konflik dan sistem perhambaan serantau disalurkan melalui jaringan perdagangan sebelum memasuki pasaran yang lebih luas (Reid, 1993; Warren, 2007). Dalam rangkaian tersebut, pelabuhan seperti Sulu berfungsi sebagai pusat pertukaran yang menghubungkan ekonomi tempatan dengan jaringan perdagangan antarabangsa. Pedagang Cina memainkan peranan penting dalam menghubungkan komoditi maritim seperti tripang dengan pasaran Canton melalui jaringan perdagangan laut China, manakala pedagang Bugis berfungsi sebagai penghubung logistik serantau yang mengurus pergerakan kapal, maklumat perdagangan dan hubungan politik antara pelabuhan Nusantara (Andaya, 2001; Reid, 1993). Sementara itu, jaringan perdagangan Islam yang melibatkan pedagang Arab atau Hadrami turut menyumbang kepada hubungan kredit, kepercayaan dan pertukaran ekonomi jarak jauh dalam dunia maritim Asia Tenggara (Tarling, 1998). Oleh itu, golongan perantara ini perlu difahami berdasarkan fungsi ekonomi dan kedudukan mereka dalam jaringan perdagangan, bukannya semata-mata berdasarkan identiti etnik.

Dari perspektif ekonomi politik, struktur ini menunjukkan bahawa nilai ekonomi hasil raiding tidak terbentuk pada peringkat serangan laut semata-mata, tetapi melalui keseluruhan rangkaian pertukaran yang melibatkan pengumpulan, perantaraan dan pengagihan. Dalam sistem tersebut, elit politik seperti sultan dan datu laut memainkan peranan penting dalam mengurus hubungan patronase, menyediakan legitimasi politik serta mengawal pengagihan sumber dalam komuniti maritim (Warren, 2002; Warren, 2007). Hal ini menunjukkan bahawa ekonomi raiding merupakan sebahagian daripada struktur sosial-politik yang lebih luas dan bukannya aktiviti terpencil yang dilakukan tanpa organisasi. Walau bagaimanapun, perkembangan ekonomi maritim alternatif ini bertentangan dengan usaha kuasa kolonial untuk mengawal laluan perdagangan dan menyusun semula ruang laut berdasarkan kepentingan imperial. Sepanyol, Belanda dan British membangunkan mekanisme kawalan maritim melalui ekspedisi ketenteraan, rondaan laut, pembinaan kubu serta pengenalan undang-undang maritim

yang mengklasifikasikan aktiviti pelaut tempatan sebagai "piracy" (Tarling, 1992; Warren, 2007). Tindakan tersebut bukan sahaja berkaitan dengan keselamatan perdagangan, tetapi juga sebahagian daripada proses pembentukan kedaulatan kolonial yang bertujuan mengawal mobiliti, sumber dan jaringan ekonomi maritim. Dalam perspektif Foucault (1977), proses ini menunjukkan bahawa kuasa beroperasi bukan sahaja melalui kekerasan fizikal, tetapi juga melalui penghasilan kategori pengetahuan yang menentukan sesuatu tindakan sebagai sah atau tidak sah. Selari dengan itu, Said (1978) menunjukkan bahawa wacana kolonial membentuk representasi masyarakat bukan Eropah melalui proses "Othering", di mana komuniti maritim tempatan sering digambarkan sebagai ancaman terhadap ketertiban ekonomi dan politik. Oleh itu, istilah "lanun" berfungsi bukan sahaja sebagai kategori undang-undang, tetapi juga sebagai instrumen epistemologi yang membantu mewajarkan intervensi kolonial.

Secara keseluruhannya, pembongkai semula konsep "lanun" menunjukkan bahawa perlanungan di Asia Tenggara merupakan hasil interaksi kompleks antara struktur ekonomi dunia, jaringan perdagangan maritim dan pembentukan kuasa kolonial. Teori Sistem Dunia menjelaskan tekanan struktur ekonomi global, teori kuasa dan wacana menerangkan bagaimana aktiviti tersebut diberikan makna sosial, manakala institusi negara kolonial mengubah tafsiran tersebut menjadi dasar dan tindakan politik. Dengan demikian, perlanungan perlu difahami sebagai fenomena sejarah yang berada di persimpangan antara ekonomi, kuasa dan mobiliti manusia, bukannya sekadar kategori jenayah laut yang bersifat universal (Wallerstein, 1974; Said, 1978; Foucault, 1977; Warren, 2002).

Kesimpulan

Perlanungan di Asia Tenggara merupakan fenomena sejarah yang mencerminkan strategi sosioekonomi dan politik masyarakat maritim dalam menghadapi perubahan struktur perdagangan serantau serta peluasan kuasa kolonial. Fenomena ini tidak wajar difahami semata-mata sebagai jenayah laut, sebaliknya sebagai sebahagian daripada ekonomi maritim tidak formal yang berkembang melalui jaringan perdagangan, hubungan patronase, norma sosial dan kepakaran pelayaran tempatan. Dalam konteks ketidakseimbangan sistem dunia, komuniti pesisir bukan sekadar kelompok pasif yang menerima tekanan kuasa global, tetapi merupakan aktor sejarah yang membangunkan strategi adaptasi bagi mengekalkan ruang ekonomi, mobiliti dan akses terhadap sumber maritim yang semakin dikawal oleh kuasa kolonial. Oleh itu, perlanungan perlu dilihat sebagai sebahagian daripada dinamika ekonomi-politik maritim yang lebih luas dalam sejarah Asia Tenggara.

Pada masa yang sama, kajian ini menunjukkan bahawa istilah "lanun" bukanlah kategori yang bersifat neutral tetapi merupakan hasil pembentukan wacana kolonial yang digunakan untuk mentafsir, mengawal dan mengatur semula aktiviti masyarakat maritim berdasarkan kepentingan imperial. Melalui perspektif Teori Sistem Dunia, analisis ini memperlihatkan bahawa perlanungan terbentuk dalam hubungan antara ketidakseimbangan ekonomi global, jaringan perdagangan tempatan dan proses pembentukan kuasa kolonial. Pembongkai semula konsep "lanun" membolehkan sejarah maritim Asia Tenggara difahami secara lebih kritikal dengan mengiktiraf kedua-dua dimensi konflik dan agensi masyarakat pesisir. Justeru, kajian ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih seimbang bahawa keselamatan maritim tidak dapat

dipisahkan daripada persoalan ekonomi, politik, identiti dan perubahan struktur kuasa dalam sejarah dunia.

Rujukan

- Abdul Hamid, A. R., & Dollah, R. (2020). Dari 'Mundu' ke penculikan untuk tebusan: Evolusi ancaman keselamatan maritim di pantai timur Sabah. *Jurnal Kinabalu*, 26(1), 1–22. <https://doi.org/10.51200/ejk.v26i1.2452>
- Abu-Lughod, J. L. (1989). *Before European hegemony: The world system A.D. 1250–1350*. Oxford University Press.
- Amirell, S. E. (2019). *Pirates of empire: Colonisation and maritime violence in Southeast Asia*. Cambridge University Press. <https://doi.org/10.1017/9781108594516>
- Andaya, L. Y. (1993). *The world of Maluku: Eastern Indonesia in the early modern period*. University of Hawai'i Press.
- Andaya, L. Y. (2001). *The heritage of Arung Palakka: A history of South Sulawesi (Celebes) in the seventeenth century*. KITLV Press.
- Andaya, L. Y. (2006). *The flaming womb: Repositioning women in early modern Southeast Asia*. University of Hawai'i Press.
- Andaya, L. Y. (2008). *Leaves of the same tree: Trade and ethnicity in the Straits of Melaka*. University of Hawai'i Press.
- Bowen, G. A. (2009). Document analysis as a qualitative research method. *Qualitative Research Journal*, 9(2), 27–40. <https://doi.org/10.3316/QRJ0902027>
- Budiawan. (2025). Bajak laut di Asia Tenggara abad ke-16 hingga abad ke-19: Evolusi dan pola-polanya. *Jurnal Ilmu Budaya*, 13(1), 1–15. <https://doi.org/10.34050/jib.v13i1.34488>
- Cordingly, D. (1995). *Under the black flag: The romance and the reality of life among the pirates*. Random House.
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (4th ed.). SAGE Publications.
- Foucault, M. (1977). *Discipline and punish: The birth of the prison*. Pantheon Books.
- Frank, A. G. (1998). *ReOrient: Global economy in the Asian age*. University of California Press.
- Hobsbawm, E. J. (1969). *Primitive rebels: Studies in archaic forms of social movement in the 19th and 20th centuries*. Manchester University Press.
- Kleinen, J., & Osseweijer, M. (Eds.). (2010). *Pirates, ports, and coasts in Asia: Historical and contemporary perspectives*. Institute of Southeast Asian Studies.
- Mohammad Sham Mohammad, & Tarsat, M. (2022). Sejarah asal usul Iranun dan Balangingi di Tungku, 1840–1879. *Jurnal Borneo Arkhailogia*, 7(1), 178–188. <https://doi.org/10.51200/jba.v7i1.4215>
- Nimmo, H. A. (2001). *Magosaha: An ethnography of the Tawi-Tawi Sama Dilaut*. University of Hawai'i Press.
- Pelras, C. (1996). *The Bugis*. Blackwell Publishers.
- Rediker, M. (2004). *Villains of all nations: Atlantic pirates in the golden age*. Beacon Press.
- Reid, A. (1988). *Southeast Asia in the age of commerce, 1450–1680: Volume one: The lands below the winds*. Yale University Press.
- Reid, A. (1993). *Southeast Asia in the age of commerce, 1450–1680: Volume two: Expansion and crisis*. Yale University Press.
- Said, E. W. (1978). *Orientalism*. Pantheon Books.

- Sim, Y. H. T. (Ed.). (2014). *Piracy and surreptitious activities in the Malay Archipelago and adjacent seas, 1600–1840*. Springer. <https://doi.org/10.1007/978-981-287-085-8>
- Tarling, N. (1992). *Piracy and politics in the Malay world: A study of British imperialism in nineteenth-century Southeast Asia*. Oxford University Press.
- Tarling, N. (Ed.). (1998). *The Cambridge history of Southeast Asia* (Vol. 2). Cambridge University Press.
- Trocki, C. A. (2007). *Prince of pirates: The Temenggongs and the development of Johor and Singapore, 1784–1885*. NUS Press.
- Von Hoesslin, K. (2016). *The economics of piracy in South East Asia*. Global Initiative Against Transnational Organized Crime.
- Wallerstein, I. (1974). *The modern world-system I: Capitalist agriculture and the origins of the European world-economy in the sixteenth century*. Academic Press.
- Warren, J. F. (2002). *Iranun and Balangingi: Globalization, maritime raiding and the birth of ethnicity*. NUS Press.
- Warren, J. F. (2007). *The Sulu Zone, 1768–1898: The dynamics of external trade, slavery, and ethnicity in the transformation of a Southeast Asian maritime state*. NUS Press.